

'Terasa bahang bila pijak sampah'

Suhu kepanasan permukaan lokasi kebakaran pusat pelupusan sampah uji ketahanan anggota bertugas

PONTIAN - Cuaca panas ditambah dengan kepanasan permukaan timbunan sampah yang terbakar di Pusat Pelupusan Sampah Kampung Air Putih Pekan Nanas, menguji ketahanan anggota yang menyertai operasi pemadaman berkenaan.

Operasi yang sudah berlarutan sejak hampir dua minggu lalu itu menyaksikan penglibatan sekurang-kurangnya 50 anggota dari Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan SWM.

Selain memadam kebakaran, anggota operasi turut melakukan pemantauan berterusan selama 24 jam di tapak pelupusan sampah itu bagi memastikan api tidak merebak di kawasan ladang kelapa sawit dan hutan berdekatan.

Biarpun berdepan dengan pelbagai cabaran termasuk kekurangan sumber air, namun anggota operasi tetap menjalankan tugas mereka di tapak pelupusan berkenaan bermula seawal jam 8 pagi sehingga jam 10 malam setiap hari.

Bagi anggota APM, Azizi Masnan, 30, dia mengakui kerja-kerja pemadaman ke-



AZIZI

bakaran pusat pelupusan sampah amat mencabar ketahanan fizikalnya sebagai seorang anggota penyelamat.

Menurutnya, timbunan sampah yang begitu dalam sehingga 9 meter masih mempunyai bara api menyebabkan keadaan permukaannya begitu panas dan terasa bahang ketika dipijak.

"Walaupun pakai kasut getah yang tebal tetapi bila melalui kawasan timbunan sampah, kaki masih terasa sangat panas.

"Memang tak nampak api di luar, tetapi masih terdapat bara api di dalam timbunan sampah.

"Jika keadaan terlalu panas sewaktu berada di atas timbunan sampah, kami

INFO • Timbunan sampah yang begitu dalam sehingga 9 meter masih mempunyai bara api menyebabkan keadaan permukaannya begitu panas dan terasa bahang ketika dipijak

akan membasahkan baju. Pendek kata seperti mandi di atas sampah," katanya.

Azizi berkata, dia juga perlu peka dengan keadaan sekeliling kerana operasi pemadaman sering berdepan cabaran kekurangan sumber bekalan air.

Jelasnya, dia akan kembali semula ke pusat kawalan selepas bertugas memadamkan kebakaran selama dua jam.

"Sewaktu turun ke pusat kawalan, terasa susah untuk bernafas. Walaupun memakai topeng muka dan alat bantuan pefafasan, namun keadaan di tempat timbunan sampah yang terbakar begitu mencabar.

"Ini kerana kawasan berkenaan banyak asap putih dan ditambah lagi dengan bau sampah yang meloya-



Asap putih memenuhi kawasan tapak pelupusan yang terbakar memberi cabaran buat anggota operasi yang bertugas.

kan," katanya.

Katanya lagi, dia semakin memahami keadaan di pusat pelupusan sampah tersebut selepas lebih 10 hari menyertai operasi berkenaan bersama 14 anggota APM daerah Pontian yang lainnya.

Bagaimanapun, Azizi mengakui penglibatan dalam operasi pemadaman kebakaran tapak pelupusan berkenaan sesuatu yang

berharga.

"Sejak menyertai APM pada 2013, ini merupakan pengalaman pertama saya terlibat operasi pemadaman kebakaran di pusat pelupusan sampah.

"Sebelum ini, saya pernah terlibat dengan operasi pemadaman kebakaran di kebun dan ladang di sekitar daerah sewaktu cuaca kemarau dahulu," katanya.

Tambah Azizi lagi, kerja-

sama diberikan setiap anggota penyelamat di bawah satu pasukan memudahkan lagi operasi dijalankan.

"Ini adalah tugas yang mencabar dan sukar dalam memadam kebakaran pusat pelupusan sampah.

"Kerjasama dari setiap anggota membuatkan kami semua berada dalam satu pasukan yang kuat untuk melakukan operasi pemadaman kebakaran ini," katanya.

Hanya tinggal 0.8 hektar kawasan tapak pelupusan sampah masih terbakar



Kawasan kebakaran tapak pelupusan sampah semakin berkurangan berikutan hujan sejak kelmarin.

PONTIAN - Hujan pada sebelah petang dan malam selama dua hari berturut-turut sejak kelmarin, memberi kelegaan kepada anggota operasi memadam kebakaran di tapak pelupusan sampah Kampung Air Putih Pekan Nanas.

Ini kerana keluasan kawasan yang masih terbakar dianggarkan hanya tinggal 0.8 hektar, berbanding luas keseluruhan tapak pelupusan iaitu kira-kira 10 hektar.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Pekan Nanas, Mahadir Mamat berkata, suhu permukaan timbunan sampah telah menurun disebabkan hujan.

Menurutnya, masih ada bara api di bawah timbunan sampah yang perlu dikorek menggunakan jentera bagi memastikan api dapat dipadamkan sepenuhnya.



MAHADIR

Tambahnya lagi, operasi yang memasuki hari ke-12 semalam menyaksikan pertambahan seramai sembilan anggota daripada pasukan bomba bantuan Balai Bomba dan Penyelamat Kulai, Kulai Baru dan Pontian.

"Secara keseluruhannya seramai 60 anggota Bomba, Anggota Pertahanan Awam dan SWM terlibat dengan operasi yang dijalankan semalam.

"Operasi terpaksa dihentikan kira-kira jam 4 petang berikutan keadaan hujan lebat dan ribut petang semalam," katanya.

Dalam pada itu, seorang anggota APM cedera ringan selepas terjatuh berhampiran longkang tapak pelupusan sampah berikutan keadaan tanah yang licin.